

CONTOH DOA YESUS

KANDUNGAN

Contoh Doa Tuhan	2
<i>Kebapaan Tuhan</i>	5
<i>Peribadi Tuhan</i>	9
<i>Rancangan Tuhan</i>	13
<i>Matlamat Tuhan</i>	16
<i>Kecukupan Tuhan</i>	20
<i>Pengampunan Tuhan</i>	24
<i>Perlindungan Tuhan</i>	28
<i>Keutamaan Tuhan</i>	31
Mengapa Kita Berdoa?	35
Menggunakan Contoh Doa Tuhan	37

Kita menganggap kita boleh bersandar kepada Tuhan menurut persyaratan kita sendiri, terutama dalam cara kita berdoa. Tetapi inilah yang menjadi masalah terbesar dalam perhubungan kita dengan Tuhan. Walaupun kebanyakan orang memang berdoa, namun tidak banyak orang yang berdoa kepada Tuhan menurut persyaratan-Nya.

Buku kecil ini hendak menunjukkan cara berdoa menurut kehendak Tuhan. Doa Tuhan, salah satu doa yang paling diketahui orang, telah banyak kali diulangi tetapi sangat kurang difahami. Haddon Robinson menembusi kebingungan ini dan menunjukkan bahawa Yesus mengajarkan doa kepada kita yang relevan bagi hari ini sebagaimana doa itu relevan 2,000 tahun yang lalu.

Martin R. De Haan II

CONTOH DOA YESUS

Saya kagum dengan orang lelaki dan wanita yang memberikan keutamaan kepada doa dalam kehidupan mereka. Secara jujur, doa telah menjadi disiplin hidup yang paling sukar bagi saya. Kadang-kadang saya mendapati doa itu memenatkan, membosankan, mengecewakan, dan membingungkan. Selama bertahun-tahun, kehidupan doa yang kuat jarang berlaku dan tidak tetap. Kadangkala saya cuba berdoa, bagaikan memegang erat kelim jubah, tetapi selepas itu pegangan saya terlepas lagi. Melalui pengalaman, saya telah belajar bahawa doa tidak mudah dilakukan. Doa, jika doa sebenar, adalah perkara yang sukar dan berat.

Saya berasa sangat tidak selesa mengakui pergomolan

saya dengan doa selama ini. Dalam kehidupan Yesus, doa adalah pekerjaan, dan pelayanan adalah hadiahnya. Bagi saya, doa merupakan persiapan bagi peperangan, tetapi bagi Yesus, doa itulah peperangannya. Setelah berdoa, Yesus melaksanakan pelayanan-Nya sebagaimana seorang mahasiswa pergi menerima hadiah, atau seperti seorang pelari maraton yang telah menyelesaikan perlumbaan, pergi menerima pingat emasnya.

Di manakah Yesus menitiskan peluh yang bagaikan darah? Bukan di Dewan Pilatus, dan bukan dalam perjalanan-Nya ke Golgota, melainkan di Taman Getsemane. Di sana Dia “berdoa dan memohon dengan seruan dan tangisan kepada Allah yang berkuasa menyelamatkan Dia daripada kematian” (Ibrani 5:7). Sekiranya saya ada

di Taman Getsemane pada waktu itu, mungkin saya akan berasa kawatir tentang masa depan. Mungkin saya akan berfikir, “Jika Yesus sangat hancur hati pada waktu Dia berdoa saja, apakah yang dapat dilakukan-Nya ketika Dia benar-benar menghadapi krisis? Mengapa Dia tidak dapat menghadapi masalah ini dengan yakin dan tenang seperti teman-teman-Nya yang sedang tidur?” Bagaimanapun, apabila ujian itu tiba, Yesus berjalan menuju salib dengan berani, tetapi tiga orang teman-Nya kebingungan dan patah semangat.

***Dalam kehidupan
Yesus, doa adalah
pekerjaan, dan
pelayanan adalah
hadiahnya.***

Dalam Lukas 11, selepas Yesus mengambil masa untuk berdoa, salah seorang pengikut-Nya berkata kepada-Nya, “Ya Tuhan, ajarlah kami berdoa, sebagaimana Yohanes telah mengajar para pengikutnya.” Ada dua perkara yang perlu diperhatikan daripada permohonan tersebut. Pertama, sebahagian daripada kurikulum Yohanes Pembaptis dalam pendidikan para pengikut difokuskan pada doa. Kedua, itulah yang diminta oleh para pengikut Yesus untuk dilakukan-Nya bagi mereka. Mereka sudah bersama-sama Dia selama dua tahun lebih. Mereka mempunyai tempat duduk paling depan apabila Dia mengajar dan berkhotbah. Mereka telah menyaksikan mukzijat yang dilakukan-Nya. Namun, setakat yang kita tahu, mereka tidak pernah membawa Dia ke tepi dan memohon, “Ya Tuhan,

ajarlah kami berkhotbah,” atau “Ya Tuhan, tunjukkan kepada kami cara melayani.” Tetapi mereka datang untuk memohon, “Ajarlah kami berdoa.”

Biasanya, kita meminta seorang pakar untuk memberikan yang terbaik kepada kita. Jika kita bersama-sama pegawai bank yang berjaya, kita akan berkata, “Ajarlah kami melabur.” Daripada cendekiawan pula, kita bermohon, “Ajarlah kami membuat penyelidikan.” Kepada pemain golf profesional, kita berkata, “Ajarlah kami membuat pukulan leret.” Para pengikut Yesus memohon kepada-Nya, “Ajarlah kami berdoa.”

Oleh sebab doa sangat penting dalam pelayanan-Nya, Dia juga mahu agar doa itu penting dalam pelayanan mereka. Oleh itu, Dia mengabdikan permintaan mereka dengan

memberikan doa yang sering disebut “Doa Tuhan.” Sebenarnya, nama doa itu tidak begitu tepat kerana Tuhan sendiri tidak mungkin perlu berdoa seperti itu. Sebagai Anak Tuhan yang tidak berdosa, Dia tidak mungkin mengucapkan doa, “Ampunkanlah dosa kami.” Lebih tepat jika doa itu diberikan judul, “Doa Para Pengikut,” kerana doa itu merupakan petunjuk asas tentang doa untuk orang seperti kita. Bagi kita, doa tersebut bagaikan garis besar bagi seorang pastor ketika dia berkhotbah, atau seperti pelan bagi jurubina apabila dia membina bangunan. Doa itu memberikan panduan kepada kita dalam doa.

Rangka doa yang diberikan oleh Lukas kepada kita dimulai dengan satu panggilan kepada Tuhan: “Ya Bapa.” Kemudian doa itu dibahagi kepada dua bahagian besar. Pertama, kita hendaklah bercakap

kepada Bapa tentang Bapa—
peribadi-Nya, rancangan-
Nya, dan matlamat-Nya:
“Semoga Engkau disembah
dan dihormati,” “Engkaulah
Raja kami,” “Semoga
Engkau memerintah di
bumi.” Kemudian kita
bercakap kepada Bapa
tentang keluarga-Nya—

***Sebagai Anak Tuhan
yang tidak berdosa,
Dia tidak mungkin
mengucapkan doa,
“Ampunkanlah
dosa kami.”***

keperluan anak-anak akan
kecukupan, pengampunan,
dan perlindungan: “Berilah
kami makanan yang kami
perluan pada hari ini,”
“Ampunkanlah dosa kami,
seperti kami mengampuni
orang yang bersalah
terhadap kami,” dan
“Janganlah biarkan kami

kehilangan iman ketika
dicubai.”

Walaupun saya masih
perlu mengambil beberapa
kursus dalam ‘Sekolah Doa,’
contoh doa yang diajarkan
Yesus ini telah mengatur
kehidupan doa saya. Anda
mungkin layak mendapat
markah tinggi dalam mata
pelajaran ini. Tetapi jika
tidak, mungkin anda boleh
mendapatkan beberapa
petunjuk yang dapat
mengajar anda berdoa.

KEBAPAAN TUHAN: “Ya Bapa”

Pada permulaannya, kita
harus tahu kepada siapa
kita berdoa. Menurut
Yesus, apabila kita datang
dalam doa kepada Tuhan
alam semesta, kita boleh
menyebut Dia Bapa. Seluruh
iman Kristian termaktub
di dalam perkataan *Bapa*.
Itulah jawapan kepada
soalan Lessing, seorang
ahli falsafah, “Adakah
alam semesta mesra?”

Apabila orang Kristian tunduk di hadapan Tuhan dan menyebut Dia Bapa, mereka mengakui bahawa di pusat alam semesta, bukan sahaja terdapat kuasa yang muktamad, tetapi juga kasih yang muktamad.

Tetapi bukan setiap orang dapat menyebut Tuhan itu Bapa. Yesus itulah yang mengajar kita berdoa dengan cara tersebut. Dia satu-satunya yang dapat menjamin bahawa kita boleh menjalinkan perhubungan dengan Tuhan dan menjadi anggota keluarga-Nya. Dialah Bapa kita dan kitalah anak-anak-Nya.

Ada beberapa orang yang berpegang kepada pandangan yang disebut “Kebapaan Tuhan dan persaudaraan manusia.” Bagaimanapun, hal ini tidak mencerminkan ajaran Alkitab. Memang benar bahawa Tuhan ialah Pencipta segala sesuatu, dan dalam hal itu setiap orang

adalah “anak Tuhan” (Kisah 17.29). Tetapi perhubungan antara makhluk ciptaan dengan Penciptanya berbeza dengan perhubungan antara Bapa dan anak-anak-Nya. Perhubungan kita dengan Tuhan sebagai Bapa kita hanya wujud melalui perhubungan kita dengan Yesus Kristus. Yohanes 1:12 berkata,

Tetapi kepada mereka yang menyambut Dia [Kristus], dan percaya kepada-Nya, mereka diberi-Nya hak menjadi anak Allah.

Kita mendapat keistimewaan yang sangat indah apabila kita boleh memanggil Tuhan sebagai Bapa—satu keistimewaan yang mudah sekali kita anggap sebagai sesuatu yang sedia ada. Dalam Perjanjian Lama, umat Tuhan secara individu tidak memanggil Tuhan sebagai Bapa. Perkataan *Bapa* jarang sekali digunakan untuk

merujuk Tuhan, dan apabila digunakan, perkataan itu selalu merujuk kepada perhubungan Tuhan dengan bangsa Israel. Setakat yang kita tahu, tiada seorang pun di kalangan orang salih yang terkemuka dalam Perjanjian Lama—Abraham, Yusuf, Musa, Daud, Daniel—pernah berlutut keseorangan di dalam biliknya dan dengan berani memanggil Tuhan sebagai Bapanya. Bagaimanapun, kita diajar untuk memanggil Tuhan sebagai Bapa sekurang-kurangnya 275 kali di dalam Perjanjian Baru. Oleh sebab kematian dan kebangkitan Yesus, apabila kita datang kepada penguasa alam semesta, perkataan yang seharusnya keluar dari mulut kita adalah *Bapa*.

Panggilan, “Ya Bapa kami yang di syurga,” seperti yang diajarkan dalam Doa Tuhan, bukan sahaja mengakui keakraban kita dengan Tuhan sebagai Bapa

kita, tetapi panggilan itu juga bercakap tentang rasa kagum yang sepatutnya pada kita semasa kita datang

Oleh sebab kematian dan kebangkitan Yesus, apabila kita datang kepada penguasa alam semesta, perkataan yang seharusnya keluar dari mulut kita adalah Bapa.

kepada-Nya dalam doa. Yesus berkata bahawa Dia yang kita panggil Bapa itu ialah Tuhan yang maha agung di syurga, Tuhan yang maha kuasa, dan Tuhan atas segala pemerintah.

Bagi orang Kristian Yahudi pada zaman awal, mempunyai perasaan takut dan hormat akan Tuhan kemungkinan lebih mudah

daripada mengerti akan keakraban dengan Tuhan. Malangnya pada zaman kita, pendapat umum telah berubah ke arah yang bertentangan sama sekali. Sering kali Tuhan dipanggil dengan kata-kata apa sahaja kecuali kata-kata yang menimbulkan rasa takut dan hormat. Saya tidak dapat membayangkan si pemazmur berkata begini, "Mungkin aku tidak tahu jawapannya, tetapi saya tahu Orang yang memberi jawapan itu." Saya tidak dapat bayangkan orang lelaki dan wanita dalam Alkitab bercakap tentang "Orang besar di tingkat atas," untuk merujuk Tuhan. Dengan mengatakan bahawa Tuhan itu Bapa, kita tidak bermaksud mengandaikan bahawa Tuhan itu satu beruang teddy yang besar dan boleh dipeluk-peluk.

Alkitab mempertahankan ketegangan di antara keakraban dan ketakutan yang disertai kekaguman.

Penulis surat Ibrani berkata, *Oleh itu, marilah kita dengan penuh berani menghadap takhta Allah, kerana di situ rahmat-Nya melimpah. Di situ kita akan menerima belas kasihan-Nya dan mengalami kasih-Nya, pada masa kita memerlukan pertolongan (Ibrani 4:16).*

***Alkitab
mempertahankan
ketegangan di
antara keakraban
dan ketakutan yang
disertai kekaguman
akan Tuhan, apabila
kita datang kepada-
Nya dalam doa.***

Hakikat bahawa kita datang kepada takhta seharusnya memenuhi kita dengan rasa takut dan

hormat. Tetapi oleh sebab takhta itu adalah takhta *rahmat*, maka kita boleh menghampirinya. Tuhan alam semesta yang berdaulat, dan yang maha kuasa telah memberi kita kebenaran kerana Yesus Kristus, supaya kita boleh menghampiri Dia dalam doa dan memanggil Dia sebagai Bapa.

**PERIBADI TUHAN:
“Semoga Engkau
disembah dan
dihormati” (Alkitab BM)
atau “Dikuduskanlah
nama-Mu” (Alkitab TB).**

Apabila kita berdoa, Yesus mengajar kita berkata, “Ya Bapa, Engkaulah Allah yang Esa. Semoga Engkau disembah dan dihormati” atau “Dikuduskanlah nama-Mu” (Lukas 11:2). Menurut pemikiran orang Ibrani, nama itu sangat penting. Ibu bapa tidak memberikan nama kepada anak-anak mereka kerana berfikir bahawa singkatan nama

itu kelihatan menarik pada bagasi. Mereka tidak memilih nama kerana nama itu mengingatkan mereka akan Mak Cik Hilda atau Pak Cik Harry. Ibu bapa memilih nama bagi anak-anak mereka dengan harapan agar nama itu terjelma dalam keperibadian, sifat, atau kelakuan yang diinginkan mereka wujud dalam anak tersebut.

Orang Puritan Amerika pada zaman awal telah berbuat demikian. Mereka menamakan anak-anak perempuan mereka seperti *Silence* (Diam), *Charity* (Kebajikan), *Hope* (Harapan), *Love* (Kasih), dan *Patience* (Sabar). Mereka mengharapkan agar anak itu akan menjadi seperti erti namanya apabila dia membesar kelak. Kita juga melihat hal ini di dalam Perjanjian Baru. Pada masa-masa krisis, apabila hidup atau pegangan seseorang berubah, sering kali namanya

diubah untuk lebih serupa dengan keadaannya. Apabila Yesus baru-baru mengenali Petrus, namanya ialah Simon. Dia seorang yang berubah-ubah, tidak kukuh, dan tidak dapat dipercayai. Tetapi Yesus mengubah namanya menjadi Petrus, yang bererti “bukit batu.” Apabila Yesus memberikan nama baru kepada Petrus, dia mengambil masa yang cukup lama untuk menjadi seperti erti namanya—mengubah pasir yang bergerak-gerak menjadi bukit batu.

Amalan memberikan nama baru ini juga berlaku dalam masa-masa kebelakangan ini apabila kardinal Poland menjadi Paus. Dia mengubah namanya menjadi John Paul II kerana dia mahu hidupnya mencerminkan nilai-nilai mulia hidup peribadi-peribadi yang sebelumnya, iaitu John XXIII, Paul VI, dan John Paul I. Dia memilih

nama itu untuk mewujudkan peribadi yang diinginya.

Dalam Mazmur 9:11 kita membaca, “Mereka yang mengenal Engkau yakin kepada-Mu, ya TUHAN.” Pemazmur tidak berkata bahawa orang yang dapat melafazkan nama Tuhan akan menaruh kepercayaan kepada-Nya. Oleh itu, apabila kita berdoa, “Engkaulah Allah yang Esa. Semoga Engkau disembah dan dihormati” atau “Dikuduskanlah nama-Mu,” kita bercakap tentang sifat dan peribadi Tuhan. Dikuduskanlah bererti “menyucikan, mengkhususkan, menjadikan istimewa.” Lawan kata *dikuduskan* adalah “mencemar, menghina, mengotori nama itu.” Apabila kita bercakap, “dikuduskanlah nama-Mu,” kita berdoa agar Tuhan menjadi Tuhan kita, agar Dia dijadikan istimewa dalam doa kita sehingga jelas

sekali bahawa kita takut dan hormat kepada Tuhan.

Kadang-kala doa kita hampir-hampir menjadi kata-kata penghinaan. Sering kali kita berdoa seolah-olah Tuhan itu tuli dan kita harus berteriak untuk membuat Dia mendengarkan kita. Seolah-olah Dia tidak

Doa kita menyatakan pengertian yang kurang sekali tentang Tuhan.

tahu apa-apa sehingga kita harus memberikan penerangan untuk membuat Dia mengerti, dan seolah-olah Dia tidak mempunyai perasaan sehingga kita harus memujuk Dia untuk memberikan respons. Doa kita menyatakan pengertian yang kurang sekali tentang Tuhan.

Pada masa yang lain pula, doa kita menyatakan bahawa ada banyak nama di bumi yang lebih penting bagi kita daripada nama Tuhan yang di syurga. Kita lebih berasa takut dan hormat terhadap seorang majikan, profesor, kekasih, teman, atau pegawai kerajaan daripada berasa takut dan hormat akan Tuhan yang di syurga. Kita lebih takut akan sesama manusia di bumi lebih daripada kita takut dan hormat akan Tuhan yang kita tujukan doa kita.

Permohonan dalam contoh doa ini merangkumi semua yang hendak kita doakan. Sama ada kita berdoa pendek atau panjang, kita tidak pernah berdoa lebih daripada apa yang sudah disebutkan di sini. Kita sering berdoa kepada Tuhan untuk menambahkan pengabdian dan kekuatan hidup rohani kita, tetapi tiada satu pun permohonan di dalam doa ini yang

berkaitan kesucian peribadi. Langkah pertama dalam pertumbuhan rohani adalah tidak berdoa bagi perasaan dalaman atau perubahan dalaman, melainkan berdoa agar Tuhan benar-benar menjadi Tuhan dalam hidup kita. Fokus kehidupan rohani bukanlah pengalaman melainkan Tuhan sendiri.

Kita diperintahkan untuk menjadi suci sebagaimana Dia suci adanya, kerana kehidupan rohani bermula apabila kita bertekad untuk membenarkan Tuhan menjadi Tuhan dalam segala segi kehidupan kita—secara peribadi, keluarga, bisnes, rekreasi—dan membenarkan Tuhan untuk mengkhususkan kita.

Fokus seperti itu terhadap-Nya bukan sahaja berlaku dalam kehidupan peribadi kita, tetapi juga dalam doa kita bagi orang lain. Kita tidak seharusnya berdoa agar orang lain

dilepaskan daripada dosa semata-mata, tetapi berdoa agar mereka akan mengenal Tuhan. Matlamat penginjilan bukan sahaja membawa orang kepada Yesus Kristus, tetapi agar orang di bumi yang menghina nama Tuhan akan mengenali siapa Dia yang sebenarnya—Tuhan

Inti penginjilan adalah agar orang di mana-mana menyembah dan menghormati Tuhan dengan membenarkan Tuhan berkuasa dalam kehidupan mereka.

yang suci, penuh rahmat, dan pembenaran. Maka daripada pengenalan akan hal itu, mereka akan menguduskan nama-Nya. Itulah inti penginjilan—orang di mana-mana membenarkan

Tuhan menjadi Tuhan dalam kehidupan mereka.

RANCANGAN TUHAN:

“Semoga Engkau memerintah di bumi”

Permohonan kedua yang kita ajukan kepada Bapa tentang Bapa bukan sahaja dikhususkan kepada peribadi Tuhan, tetapi juga pada rancangan Tuhan. Permohonan kedua adalah “Semoga Engkau memerintah di bumi.” Di sini Yesus bercakap tentang pemerintahan-Nya di bumi sebagai Penyelamat pada masa akan datang. Dalam seluruh Firman Tuhan, cerita utama Alkitab adalah penantian akan masanya Penyelamat kembali, iaitu Yesus Kristus akan memerintah dengan adil apabila pemerintahan di bumi menjadi pemerintahan Tuhan kita dan Kristus (Wahyu 11:15).

Cerita utama Alkitab adalah penantian akan masanya Penyelamat kembali, iaitu Yesus Kristus akan memerintah bumi dengan adil.

Keprihatinan terhadap pemerintahan Tuhan di bumi adalah asas bagi pandangan kita terhadap sejarah. Joseph Wittig pernah menyatakan bahawa riwayat hidup seseorang bukannya bermula dengan kelahirannya, melainkan dengan kematiannya. Dia memberikan hujah bahawa kita mengukur sumbangan suatu kehidupan bukan oleh permulaannya tetapi oleh kesudahannya. Begitulah caranya kita seharusnya berfikir tentang sejarah. Orang yang berfikir akan bertanya, *Adakah sejarah menuju ke mana-mana?*

Adakah sejarah sebuah roda semata-mata yang berpusing terus-menerus dan tidak pernah menyentuh tanah? Adakah sejarah suatu kitaran peristiwa semata-mata, yang berulang-ulang dan tidak menuju ke mana-mana kecuali mungkin lenyap begitu sahaja? Beberapa orang mengetepikan sejarah sebagai sesuatu cerita dongeng yang diceritakan oleh orang bodoh, yang diconteng pada dinding tempat orang gila. Edward Gibbon, ahli sejarah England merujuk sejarah sebagai “sesuatu yang tidak lebih daripada senarai jenayah, kebodohan, dan nasib malang manusia.” Henry Ford, pengasas kereta Ford menyimpulkan sejarah sebagai karut. Ralph Waldo Emerson, penulis esei, ahli falsafah dan penyajak mengetepikan sejarah sebagai “biografi beberapa orang tokoh.”

Bagaimanapun, dalam kesaksian Alkitab, sejarah adalah “riwayat Tuhan,” dan sejarah terarah kepada sesuatu—waktu Yesus Kristus kembali. Alkitab menanti-nantikan hari itu apabila para malaikat dan orang yang ditebus akan bernyanyi bersama-sama. Cahaya itu bersinar di hadapan kita, dan semakin gelap zaman ini, semakin terang cahaya itu.

Oleh itu, apabila kita berdoa, “Semoga Engkau memerintah di bumi,” kita mengharapkan masa yang penuh sukacita apabila pemerintahan Penyelamat daripada Tuhan akan didirikan semasa Yesus kembali ke bumi; hal itu telah dinubuatkan di seluruh Perjanjian Lama, pemerintahan Kristus akan didirikan semasa Yesus kembali ke bumi. Sementara kita berdoa, kita mengarahkan pandangan kepada hari itu, apabila

pemerintahan di bumi menjadi pemerintahan Tuhan dan Kristus-Nya. Kita menantikan kemuncak sejarah tercapai, apabila kehendak Tuhan ditaati di bumi sebagaimana di syurga.

Dalam kesaksian Alkitab, sejarah adalah 'riwayat-Nya,' dan sejarah terarah kepada suatu masa apabila Yesus Kristus kembali.

Di samping itu, apabila kita berdoa, "Semoga Engkau memerintah di bumi," kita juga memohon akan sesuatu yang lain. Kita merayu agar di atas tanah kecil yang kita duduki sekarang, kita akan menyerahkan kehendak kita kepada kehendak Tuhan. Jika kita merindukan masanya apabila pemerintahan Kristus ditubuhkan di bumi pada

masa hadapan—cukup rindu untuk mendoakannya dengan sungguh-sungguh—maka kita harus rela agar semua pemerintahan kecil-kecil yang sangat kita hargai itu diruntuhkan. Jika kita menginginkan pemerintahan Tuhan atas semua orang pada masa akan datang, maka kita seharusnya menghendaki agar Dia melakukan kehendak-Nya di dalam hidup kita sekarang.

Ketika kita berdoa, "Semoga Engkau memerintah di bumi," kita mengakui hak Tuhan untuk memerintah atas manusia, termasuk kita. Saya harus cukup memperhatikan kedaulatan Tuhan dan menjadikan hidup saya takhta-Nya, dan bertekad agar setiap hari, tiap-tiap orang yang sempat saya jumpa akan dibimbing agar orang tersebut akan berserah kepada-Nya dengan rela dan sukacita. Jika saya berbuat demikian, barulah saya dapat mengungkapkan

kata-kata dalam doa itu dengan hati yang ikhlas. Janganlah kita berdoa agar Dia memerintah atas orang lain, sebelum kita sendiri secara jujur menghendaki pemerintahan-Nya atas hidup kita.

Janganlah kita berdoa agar Dia memerintah atas orang lain, sebelum kita sendiri secara jujur menghendaki pemerintahan-Nya atas hidup kita.

Semasa saya dalam lingkungan umur dua puluhan, saya biasa mendengar khutbah yang mendorong saya menginginkan kedatangan Kristus untuk kedua kalinya. Memang, saya mahu juga Dia datang, tetapi bukanlah dengan serta-merta. Saya

mempunyai beberapa hal yang hendak dilakukan sebelum Dia kembali. Saya mahu berkahwin, mempunyai anak, dan menubuhkan satu pelayanan. Selepas saya melakukan semuanya, barulah Dia boleh kembali. Baru-baru ini, semasa saya merenungkan hal ini, saya sedar bahawa tiada lagi rancangan saya yang menggendalakan kedatangan kembali Yesus Kristus. Tiada lagi yang lebih utama selain kedatangan-Nya; sikap inilah yang sepatutnya ada dalam hidup kita. Itulah ertinya apabila kita berdoa, “Semoga Engkau memerintah di bumi.”

**MATLAMAT TUHAN:
“Dan seperti di syurga,
kehendak-Mu ditaati.”**

Kita sepatutnya berdoa tentang peribadi Tuhan, agar nama-Nya disembah dan dihormati; bagi rancangan Tuhan, agar pemerintahan-Nya didirikan; dan untuk matlamat Tuhan, agar

kehendak-Nya ditaati di bumi sebagaimana di syurga.

Berdoa agar kehendak-Nya ditaati memberikan asas kepada doa-doa kita. Pada dasarnya, kita memohon agar kehendak Tuhan ditaati dalam hidup kita dan di dunia ini. Namun, sering kali kita menterbalikkannya, dan berdoa seolah-olah mengharapkan Tuhan mengubah cara-Nya untuk mengendalikan alam semesta, hanya kerana kita telah mengemukakan permohonan kepada-Nya. Perkara yang paling buruk adalah sikap kita yang memperlakukan Tuhan seperti jin di dalam pelita. Apabila kita menggosoknya dan mengungkapkan keinginan kita, maka kita mengharapkan Tuhan mengubah alam semesta untuk memberikan keinginan kita.

Kita mesti mengakui kepentingan untuk mengubah kehendak

***Sering kali kita
berdoa seolah-olah
mengharapkan
Tuhan mengubah
cara-Nya
mengendalikan
alam semesta,
hanya kerana kita
telah mengemukakan
permohonan
kepada-Nya.***

kita agar menjadi seperti kehendak-Nya. Kita tidak sepatutnya berdoa untuk sesuatu dan kemudian berkata, “jika itu kehendak-Mu,” sekiranya kita tidak bersungguh-sungguh. Kata-kata tersebut bukan sesuatu yang diletakkan pada penghujung doa sebagai suatu jalan keluar, sekiranya Tuhan tidak memberikan apa yang kita minta, kita tidak akan berasa malu.

Doa bukannya sesuatu yang menyebabkan Tuhan melakukan kehendak saya; melainkan suatu permohonan agar kehendak Tuhan ditaati dalam hidup saya, keluarga, bisnis, dan perhubungan saya, seperti di syurga.

Apabila Alkitab memberi kita sedikit gambaran tentang syurga, kita melihat bahawa para malaikat bersiap sedia untuk melakukan kehendak Tuhan. Di syurga, seluruh bala tentera yang mulia melakukan kehendak-Nya. Dalam alam semesta, semua galaksi dan segenap bintang serta planet bergerak mengikut reka bentuk-Nya. Rupanya, hanya di sini, planet kelas ketiga yang bagaikan bola tenis yang kotor terdapat pemberontakan.

Hidup menurut kehendak Tuhan di bumi sebagaimana di syurga bererti melakukannya dalam

kawasan musuh. Hidup dalam alam yang dikuasai Iblis bererti menyedari bahawa dunia ini bukanlah sahabat Tuhan. Melakukan kehendak Tuhan di bumi sebagaimana di syurga, bererti kita harus melawan arus. Apabila kita berdoa, "Dan seperti di syurga, kehendak-Mu ditaati," maka kita berdoa bagi teman-teman kita, keluarga kita, masyarakat kita, tetapi yang terutama bagi diri kita sendiri.

***Melakukan
kehendak Tuhan di
bumi sebagaimana
di syurga, bererti kita
harus melawan arus.***

Apabila jenazah Beethoven digali semula selepas 42 tahun kemudian, didapati bahawa tangannya terangkat dan penumbuknya menggenggam seperti tanda

membantah. Rupanya, ada orang yang mengebumikan dia dengan cara yang menggambarkan sikapnya. Pada waktu Beethoven berumur 30 tahun, dia menjadi tuli dan tetap dalam keadaan itu sehingga saat kematiannya 26 tahun kemudian. Dia meninggal sebagai orang yang marah dan kecewa kerana dia berasa bahawa Tuhan telah membelenggu dia. Walaupun dia mungkin telah berdoa agar kehendak Tuhan berlaku, namun dia kemungkinan sekali melakukannya dengan rasa putus asa yang menyedihkan. Orang masih boleh berdoa agar kehendak Tuhan berlaku dan pada masa yang sama memberontak kerana Tuhan itu Tuhan. Ramai orang membenci Tuhan kerana Dia tidak membenarkan mereka menjadi tuan atas kehidupan mereka, kapten jiwa mereka, atau penguasa

tujuan hidup mereka. Tetapi bagi kita yang mengenal Tuhan sebagai Bapa dan mempunyai perhubungan dengan Dia, yang mengenal bahawa hati Dia yang Maha Kuasa bukan sahaja adil dan suci tetapi juga penuh rahmat dan kasih, kita mengetahui bahawa Tuhan mengendalikan segala hal sehingga menghasilkan yang baik bagi orang yang mengasihi Dia.

***Ramai orang
membenci Tuhan
kerana Dia tidak
membenarkan
mereka menjadi
tuan atas kehidupan
mereka, kapten
jiwa mereka, atau
penguasa tujuan
hidup mereka.***

Oleh itu, kita boleh berdoa agar nama-Nya dikuduskan, agar Dia menjadi Tuhan atas kita, pemerintahan-Nya didirikan di bumi, setiap lutut bertelut dan setiap lidah mengaku bahawa Yesus Kristus Tuhan, dan agar kehendak-Nya ditaati di bumi sebagaimana di syurga.

KECUKUPAN TUHAN: “Berilah kami makanan yang kami perlukan pada hari ini.”

Semasa Yesus mengajar kita berdoa, Dia memberi kita contoh yang menyeluruh untuk diikuti. Tiga permohonan pertama ada kaitan dengan kemuliaan Tuhan. Tiga permohonan yang terakhir pula ada hubungan dengan keluarga. Sementara permohonan kepada Bapa bercakap tentang “Nama-Mu,” “Pemerintahan-Mu,” dan “Kehendak-Mu,” tiga

permohonan yang terakhir ada kena-mengena dengan kita: “Berilah kami,” “ampunilah kami,” dan “selamatkanlah kami.”

Seorang ahli teologi Jerman bernama Helmut Thielicke menunjukkan bahawa seluruh hidup merangkumi dalam pelbagai segi permohonan ini. “Perkara besar dan perkara kecil; perkara rohani dan perkara jasmani; perkara dalaman dan perkara luaran—tiada lagi yang tidak termasuk dalam doa ini.”

Adlai Stevenson pernah berkata, “Hanya untuk memahami seluruh keperluan manusia sudah mengambil setengah daripada masa untuk memenuhi semuanya.” Mungkin masa yang setengah lagi itu adalah kemampuan untuk membekalkannya. Tuhan berjaya dalam kedua-dua segi. Oleh sebab Tuhan memahami keperluan kita dan benar-benar dapat membekalkannya, maka

Yesus berkata bahawa kita seharusnya berdoa kepada Bapa untuk semua itu. Selepas berdoa bagi perkara yang berkaitan dengan alam dan yang abadi, barulah kita berdoa bagi perkara yang sementara.

Ketika Yesus berkata, "Berilah kami makanan yang kami perlukan pada hari ini," Dia tidak mencadang pergi ke pasar raya untuk mendapatkan roti. Dia hendak menegaskan bahawa tiada salahnya berdoa bagi keperluan seharian kita. Lagipun, kita memang tidak dapat melayani dalam pemerintahan-Nya dan melaksanakan kehendak-Nya kecuali kita mempunyai kekuatan yang diperlukan hari ini. Oleh itu, wajar juga memohon kepada Tuhan bagi pekerjaan agar mendapat wang untuk membeli makanan. Tiada salahnya memohon kepada Tuhan untuk pakaian yang diperlukan untuk bekerja

agar mendapatkan makanan. Patut juga kita memohon pengangkutan untuk menghantar kita ke tempat kerja supaya kita boleh mendapatkan makanan. Tuhan mengetahui keperluan kita, dan Dia prihatin terhadap kita.

Sering kali kita dicubai untuk tidak ambil kesah dalam permohonan makanan daripada Tuhan. "Jangan berdoa bagi keperluan dapur," kita tegaskan. "Keluar dan bergeraklah." Sebenarnya, beberapa orang tokoh gereja memberikan erti rohani kepada roti untuk merujuk kepada roti yang dibahagi-bahagikan semasa Perjamuan Tuhan. Kita faham juga sebabnya mereka berbuat demikian, kerana sebaik saja berdoa tentang kemuliaan Tuhan, maka seolah-olah terlalu keduniaan untuk tiba-tiba berdoa bagi keperluan dapur yang tidak begitu penting.

Namun, “makanan yang kami perlukan pada hari ini” bererti makanan untuk hari ini. Perkataan asalnya, iaitu roti, merujuk kepada makanan asas yang kita perlukan untuk menguatkan tubuh kita. Memang secara amnya, roti juga merujuk kepada semua keperluan kita untuk terus hidup. Bapa kita yang di syurga sendiri memperhatikan senarai keperluan dapur. Makanan sehari-hari kita diperhatikan oleh Tuhan.

Fokus permohonan itu adalah makanan *pada hari ini*. Terjemahan frasa *pada hari ini* membuat para cendekiawan tertanya-tanya selama berabad-abad. Di sini sahaja perkataan itu digunakan, sama ada di dalam atau di luar Alkitab. Kemudian beberapa tahun lalu, seorang ahli arkeologi menggali secebis papyrus yang mengandungi senarai barang-barang yang hendak dibeli oleh suri rumah. Di

sisi benda-benda ini, suri rumah ini telah menuliskan perkataan *pada hari ini*. Mungkin maksudnya, “cukup untuk hari berikutnya.” Frasa itu seharusnya diterjemahkan, “Berilah kami roti hari ini yang cukup untuk hari seterusnya.” Apabila doa itu diucapkan pada waktu pagi, itulah permohonan bagi keperluan pada jam-jam berikutnya. Apabila doa itu diucapkan pada waktu malam, itulah permohonan bagi keperluan pada hari berikutnya. Sudah tentunya, maksud doa ini adalah Tuhan akan memenuhi keperluan kita untuk menghormati dan melakukan kehendak-Nya.

Dalam budaya kita, dengan adanya peti ais dan almari ais, kita jarang membeli makanan yang hanya cukup untuk satu hari. Kita menyimpan makanan yang berlimpah sehingga sebelum makan, kita sekadar mengeluarkan kata-kata

terima kasih tanpa berfikir. Kita hampir tidak mengakui bahawa makanan yang kita makan atau pakaian yang kita pakai berasal daripada tangan Bapa.

***Apabila doa itu
diucapkan pada
waktu pagi, itulah
permohonan bagi
keperluan pada
jam-jam berikutnya.
Apabila doa itu
diucapkan pada
waktu malam, itulah
permohonan bagi
keperluan hari
berikutnya.***

Yesus tidak menjemput kita memohon segala sesuatu yang dimuatkan dalam katalog pasar raya Giant, atau ketika membeli kereta mewah ataupun kasut berjenama. Berdoalah

untuk roti—keperluan asas bagi kehidupan, bukan kemewahan. Mintalah roti, bukan kek. Kita juga tidak dijemput untuk memohon bekalan bagi tahun-tahun berikutnya. Kita seharusnya memohon apa yang sangat perlu untuk menguatkan kita menghadapi hari esok.

Perhatikan juga bahawa apabila kita berdoa, “Berilah kami makanan yang kami perlukan pada hari ini,” kita memohon bagi orang lain dalam keluarga, termasuk diri kita sendiri. Jika saya mengucapkan doa ini dengan sungguh-sungguh, maka doa ini melepaskan saya daripada sikap mementingkan diri sendiri dan keinginan menyorok untuk diri sendiri sahaja. Jika Bapa saya yang di syurga memberi saya dua ketul roti dan saudara atau saudari saya tidak mempunyai apa-apa, saya mengerti bahawa Tuhan telah benar-benar menjawab doa kita. Roti

saya yang lebih itu bukan untuk disimpan, tetapi untuk dibahagikan.

Tuhan hendak membebaskan kita. Kita boleh mengajukan permohonan kita yang kecil-kecil kepada Tuhan. Kita boleh memberitahu Dia keperluan kita akan roti, sehelai baju, sepasang kasut—semua benda yang penting bagi kita. Jika kita memerlukan semua itu, maka hal-hal itu pun diperhatikan oleh Bapa kita yang di syurga.

PENGAMPUNAN TUHAN:

“Ampunkanlah Dosa Kami.”

Secara luaran, orang kelihatannya tidak begitu kesah dengan dosa mereka. Walter Horton bercakap tentang keadaan kita dalam bukunya, *The Challenge of Our Culture* (Cabaran dalam Budaya Kita): “Manusia moden tentu mengkhuatiri

sesuatu—hampir mati khuatir. Suatu analisis kelakuannya menunjukkan dia sangat gementar dan berusaha mengelakkan diri daripada menatap mata Tuhan, dan pasti ini disebabkan oleh ketakutan yang dirasakannya apabila

**“Manusia moden
tentu mengkhuatiri
sesuatu—hampir
mati khuatir.”**

—Walter Horton

dia berdiri dalam keadaan itu di hadapan Tuhan.” Sebuah kartun dalam surat khabar pagi menggambarkan seorang ahli psikologi mendengarkan seorang pesakit: “Encik Figby,” katanya, “Saya fikir saya boleh menerangkan perasaan bersalah anda. Ini sebab anda memang bersalah!”

Selepas kita memohon kecukupan

daripada Tuhan, kita memohon pengampunan: “Ampunkanlah dosa kami.” “Ampunkanlah” menyusul “berilah.” Yesus menghubungkan dua permohonan itu, “Berilah kami makanan yang kami perlukan pada hari ini” dengan “Ampunkanlah dosa kami, kerana kami pun mengampuni setiap orang yang bersalah terhadap kami.” Dengan cara itu, apabila kita ingat keperluan kita akan makanan, kita akan melihat keperluan kita akan pengampunan juga. Sementara kita mengakui kesalahan, maka kita juga memeriksa cara kita menangani perhubungan kita dengan orang lain.

Augustine menyebut permohonan ini “permohonan yang berat” kerana jika kita berdoa, “Ampunkanlah dosa kami, kerana kami pun mengampuni setiap orang yang bersalah terhadap

kami,” dan pada masa yang sama masih menyimpan perasaan yang tidak mahu mengampuni di dalam hati, maka sebenarnya kita memohon agar Tuhan tidak mengampuni kita.

Semasa John Wesley melayani sebagai penginjil di tanah jajahan Amerika, dia menghadapi kesukaran dengan Jeneral James Oglethorpe. Jeneral itu terkenal dengan sikapnya yang angkuh dan kasar. Pada suatu masa Oglethorpe mengumumkan, “Saya tidak pernah mengampuni orang.” Wesley menjawab, “Kalau begitu, Tuan, saya berharap tuan tidak pernah berdosa!”

Fikirkan bagaimana pengakuan dosa itu berlaku. Jika saya memohon pengampunan dengan ikhlas, maka dengan rendah hati saya harus menyemak semula anggapan saya akan diri saya, lalu mengakui dosa dan kesalahan saya sendiri. Jika saya melihat

pencemaran dalam hidup saya sendiri, maka saya melihat dosa orang lain dari sudut pandangan yang lain. Tanpa pengakuan itu, mungkin saya menganggap diri saya sebagai orang yang sangat penting, sangat tinggi, dan sangat dihormati. Oleh itu, tidak lagi terlintas dalam fikiran saya untuk mengampuni sesiapa pun yang berani menyinggung perasaan orang yang salih seperti saya. Itulah sikap yang menganggap diri sendiri benar. Mendapatkan pengampunan daripada seseorang yang menganggap dirinya benar lebih sukar daripada mendapatkan jus epal daripada seketul batu. Mustahil bagi orang seperti itu untuk memberikan pengampunan.

Sebenarnya, doa yang diungkapkan oleh orang yang tidak mengampuni adalah seperti ini: "Perlakukanlah aku sebagaimana aku perlakukan orang lain." Kent

Hughes menghuraikannya dalam penyelidikannya tentang Doa Tuhan: "Aku merayu kepada-Mu, ya Tuhan, perlakukanlah aku sebagaimana aku memperlakukan jiranku. Dia tidak berterima kasih kepadaku (walaupun sikapnya tidak sampai satu peratus pun berbanding dengan sikap saya yang enggan bersyukur kepada-Mu), namun aku tidak akan melupakan sikapnya yang tidak berterima kasih. Perlakukanlah aku, ya Tuhan, sebagaimana aku perlakukan dia."

Atau begini: "Aku mendendam setiap peristiwa kecil ketika dia memperlakukan aku dengan tidak baik. Perlakukanlah aku, ya Tuhan, sebagaimana aku perlakukan dia."

Atau begini: "Aku tidak sabar lagi menunggu masanya aku dapat membalas kesakitan yang dilakukannya terhadapku."

Perlakukanlah aku, ya Tuhan, seperti aku perlakukan dia.”

Jika anda benar-benar mengenal Tuhan sebagai Bapa, anda termasuk golongan yang diampuni. Walaupun anda berasa sukar sekali untuk mengampunkan beberapa perkara yang sangat merosakkan yang dilakukan terhadap anda, namun dosa anda sendiri terhadap Tuhan—yang anda mohon diampunkan—menjadikan kesalahan yang dilakukan terhadap anda itu tidak seberat yang disangkakan. Bagaimana mungkin kita memohon Tuhan yang suci, supaya mengampuni kita, sedangkan kita sebagai orang berdosa, tidak mahu mengampuni orang lain? Pengampunan yang kita berikan tidak menyebabkan Tuhan mengampuni kita. Hal itu adalah buktinya bahawa kita sudah menerima pengampunan Tuhan. Orang

yang hidup lega kerana sudah diampuni oleh Tuhan mendapati bahawa mereka lebih mudah mengampuni orang lain yang bersalah kepada mereka.

Kita sangat serupa dengan Tuhan, apabila kita menghulurkan pengampunan secara penuh dan percuma demi Kristus, kepada orang yang telah berdosa terhadap kita.

Berbuat dosa adalah sifat manusia, mengampuni adalah sifat ilahi. Kita sangat dekat kepada rahmat Tuhan apabila kita mengaku dosa dan berseru meminta pengampunan. Kita sangat serupa dengan Tuhan,

apabila kita menghulurkan pengampunan secara penuh dan percuma demi Kristus, kepada orang yang telah berdosa terhadap kita.

**PERLINDUNGAN
TUHAN:
“Janganlah biarkan
kami kehilangan
iman ketika dicubai”
(Alkitab BM) atau
“Janganlah membawa
kami ke dalam
pencobaan” (Alkitab TB).**

Kata-kata pada baju-T seorang wanita muda di dalam sebuah pusat membeli-belah mengumumkan, “Jangan bawa aku ke dalam pencobaan—aku boleh mencarinya sendiri.” Dia mahu orang lain tertawa apabila dia lalu, tetapi ungkapan pendeknya itu membangkitkan satu soalan. Apakah yang kita doakan ketika kita berkata, “Janganlah membawa kami ke dalam pencobaan”?

Mengapa pula kita memohon kepada Tuhan supaya tidak membawa kita ke dalam pencobaan? Memohon Dia menjauhkan kita daripada pencobaan lebih munasabah. Professor D. A. Carson mencadangkan bahawa Yesus menggunakan bahasa kiasan yang disebut *litotes*, iaitu pernyataan yang diungkapkan dalam bentuk negatif untuk menyatakan keadaan yang sebaliknya. Misalnya, jika saya berkata, “Ini bukan perkara kecil,” maksud saya adalah, hal itu perkara besar. Apabila kita berdoa, “Janganlah bawa kami kepada pencobaan,” maka sebenarnya kita berseru, “Jauhkanlah kami daripada pencobaan.” Kita berdoa, “Jangan biarkan Iblis mengadakan kami. Jangan biarkan musuh jiwa kami memerangkap kami dalam jeratnya.” Kita mengakui bahawa Tuhan mempunyai kuasa untuk memimpin kita melewati semua godaan

dosa yang mengancam kita; dan kita memohon, “Jika peluang untuk berdosa timbul, tolonglah aku agar tidak mempunyai keinginan untuk berdosa. Jika keinginan itu timbul dari dalam hatiku, tolonglah aku agar tidak ada peluang untuk melakukannya.”

Hadapilah kenyataannya. Kita jarang sekali mahu dilepaskan daripada percubaan. Percubaan menjanjikan terlalu banyak keseronokan. Seorang pelawak pernah berkata, “Jangan lawan percubaan. Nanti percubaan itu betul-betul lari, dan tidak balik-balik lagi.” Percubaan merangsangkan dan mengobarkan khayalan. Jika kita membenci hal itu, maka itu bukan percubaan. Kadang-kala kita melihat ke mana percubaan akan membawa kita, dan kita berseru meminta kelepasan. Bagaimanapun, biasanya percubaan tidak

kelihatan jahat, oleh itu kita bermain-main dengannya, berseronok dengannya, dan menjemputnya masuk ke dalam kehidupan kita. Apabila kita berdoa tentang dosa kita, maka yang mengganggu fikiran kita bukan percubaan; hal yang kita mahu disingkirkan adalah akibat ketidaktaatan kita.

***Hadapilah
kenyataannya.
Kita jarang sekali
mahu dilepaskan
daripada percubaan.
Percubaan
menjanjikan terlalu
banyak keseronokan.***

Bagaimanapun, dalam konteks doa ini, kita bukan semata-mata memohon Tuhan menghalang kita menjadi budak nakal. Pekerjaan Iblis memberikan

ancaman bahaya yang lebih berat daripada itu. Kita dikelilingi oleh godaan untuk hidup terpisah daripada Tuhan. Dalam cita-cita dan kejayaan, kita dicubai untuk menghormati nama kita sendiri, membina kerajaan kita sendiri, mendapatkan pujian kerana membakar roti kita sendiri, dan menafikan keperluan kita untuk mendapatkan pengampunan demi rahmat. Musuh jiwa kita mahu supaya kita lari daripada Tuhan. Hanya Tuhan yang dapat membuat kita melihat apa sebenarnya dosa itu. Jika percubaan membawa rantai untuk membelenggu kita, mungkin kita sendiri akan melawannya. Sebaliknya, percubaan membawa bunga dan minyak wangi, menawarkan kehidupan dan keriang, serta menjanjikan kesenangan dan kepuasan hati. Percubaan memberi kita rasuah dengan kekayaan dan kemasyhuran, dan

menjerat kita dengan janji-janji kemakmuran serta kebebasan yang tidak terbatas. Hanya Tuhan yang dapat menjauhkan kita daripada bujukan percubaan itu.

Doa Tuhan mengingatkan kita untuk takut kepada strategi Iblis. Beberapa tahun yang lampau, Helmut Thieliicke berkata tentang

Jika percubaan membawa rantai untuk membelenggu kita, mungkin kita sendiri akan melawannya. Sebaliknya, percubaan menggoda kita dengan janji kemakmuran dan kebebasan penuh.

negara Jerman yang dijajah selepas perang, “Ada peribadi yang gelap, misteri, dan yang membelenggu sedang bekerja. Di belakang percubaan ada percuba, di belakang dusta ada pendusta, dan ‘sejak permulaan, Iblis itu pembunuh’ atas semua yang mati dan pertumpahan darah.”

Apabila kita berdoa, “Selamatkanlah kami daripada kuasa Si Jahat,” kita mengenal kuasa Iblis, mengakui kelemahan kita, dan memohon kuasa yang lebih besar yang berasal daripada Tuhan.

KEUTAMAAN TUHAN: “Raja yang berkuasa dan mulia”

Doa Tuhan, yang sering kita lafazkan, diakhiri dengan pujian yang bagaikan tiupan trompet: “Engkaulah Raja yang berkuasa dan mulia untuk selama-lamanya.

Amin.” Oleh sebab kata-kata itu kelihatannya akhiran yang sesuai dan tepat bagi doa, memang agak menggelisahkan untuk mengetahui bahawa kalimat itu tidak terdapat dalam manuskrip yang terawal dan terbaik, sama ada dalam kitab Matius ataupun kitab Lukas. Jelas bahawa kata-kata pujian ini bukan sebahagian doa yang diajarkan Yesus pada mulanya. Sebenarnya, kalimat ini hanya muncul pada abad kedua dan ketiga.

Bagaimanapun, doa itu menuntut satu pengakhiran. Kalau tidak, doa itu berakhir dengan satu ancaman percubaan dan amaran bahawa si jahat telah memasang perangkapnya bagi kita. Apabila orang Kristian pada zaman awal mengucapkan doa ini kepada Bapa, mereka tidak menutupnya dengan kata-kata yang dingin dan menakutkan, melainkan

mereka menambahkan kata-kata yang menguatkan dalam bentuk pujian.

Walaupun kata-kata pujian ini bukan secara langsung diajarkan oleh Yesus, namun ia masih mendapat sokongan yang kuat daripada Alkitab. Selepas Raja Daud mengumpulkan bahan-bahan binaan bagi Rumah Tuhan, dia mengisytiharkan,

Engkau [TUHAN] sungguh besar dan berkuasa. Engkau mulia, semarak, dan agung!... Engkaulah raja agung, penguasa atas segalanya”
(1 Tawarikh 29:11).

Gema daripada kata-kata pujian ini berterusan sehingga menjadi bentuk lagu yang dinyanyikan oleh empat makhluk hidup pada kesudahan masa,

Kepada Dia yang duduk di atas takhta, dan kepada Anak Domba itu, kami persembahkan pujian dan penghormatan,

kemuliaan dan kekuasaan selama-lamanya! (Wahyu 5:13).

Kata-kata pengesahan ini menjadi akhiran yang sesuai bagi doa:

Engkaulah Raja yang berkuasa dan mulia untuk selama-lamanya. Amin! (Matius 6:13).

Tetapi adakah semua itu benar? Adakah pemerintahan itu milik Tuhan? Bukan, menurut laporan surat khabar. Di sana, mungkin ibu kota kerajaan adalah di Washington, London atau di Moscow, bukan di syurga. Adakah kuasa itu milik-Nya? Bukan, menurut Rabbi Harold Kushner, yang memberikan hujah dalam buku berjudul *When Bad Things Happen to Good People* (Apabila Perkara Buruk Menimpa Orang Baik), bahawa walaupun Tuhan itu maha kasih, ada beberapa peristiwa jahat berlaku di luar kawalan-Nya.

Adakah kemuliaan itu milik-Nya? Bukan, menurut para pembina dan pembentuk teknologi yang bernyanyi, “Kemuliaan bagi manusia di bumi sementara kita melihat bangunan boleh mencapai tempat yang tertinggi.”

Kata-kata pujian ini bukan sesuatu yang sedia ada yang kita harus terima agar boleh berdoa, melainkan sesuatu keyakinan yang mendorong kita berdoa selalu.

Bagaimanapun, kata-kata pujian ini bukan sesuatu yang sedia ada yang kita harus terima agar boleh berdoa, melainkan suatu keyakinan yang mendorong kita berdoa selalu. Apabila kerajaan Tuhan dan

kehormatan nama Tuhan mendapatkan keutamaan dalam kehidupan kita, barulah wang dan keperluan asas berhenti mendatangkan kekhuatiran dan pergelutan kepada kita. Kemudian, dan hanya selepas itu, sementara kita memohon makanan yang diperlukan setiap hari, kita mengenal bahawa tanpa Tuhan, perut boleh kenyang tetapi hati masih kosong. Melalui doa, kita mengalami bahawa Tuhan benar-benar mengampunkan dosa kita—bukan semata-mata menutup mata-Nya terhadap ketidaktaatan kita—malah Dia membekalkan kita dengan kuasa untuk mengampuni orang lain dan menjauhkan kita daripada jerat Iblis. Dalam kehidupan doa, kita mengenal Bapa yang kaya serta murah hati, dan yang tidak pernah ada kemelesetan: Dialah yang memiliki kerajaan dan kuasa serta kemuliaan.

Bukan sahaja kita memuji Tuhan apabila kita melihat perbuatan-Nya melalui jawapan doa, tetapi kita juga memuji Tuhan kerana semasa kita berlutut untuk berdoa, dengan iman kita boleh melihat segelintir daripada apa yang hendak dilakukan-Nya kelak. Kita mengucapkan doa berasaskan kekekalan. Dalam pandangan jangka panjang, kita melihat bahawa walaupun orang jahat melawan pemerintahan

***Empayar kelmarin
menjadi pelajaran
sejarah hari ini,
dan penggalian
arkeologi hari esok.***

Kristus, kerajaan-Nya menanti seperti matahari menunggu awan dan kegelapan lenyap. Menurut pandangan kekekalan, walaupun Kasih yang

berbaring di dalam palung dibunuh kemudian pada kayu salib atas perintah orang Roma kelihatannya lemah, namun kita melihat di dalamnya ada kuasa yang bertahan dan menang pada akhirnya. Sementara para presiden dan raja menyatakan kegemilangan mereka, kita tahu bahawa mereka membentuk satu perarakan yang akan berlalu. Empayar kelmarin menjadi pelajaran sejarah hari ini, dan penggalian arkeologi hari esok.

Kemuliaan Tuhan memancar atas keruntuhan kerajaan-kerajaan kecil umat manusia. Apabila kita berdoa menurut apa yang sepatutnya, kita mengesahkan keagungan Tuhan, mengisytiharkan kuasa-Nya, dan melalui jawapan doa, kita menyatakan kemuliaan-Nya.

MENGAPA KITA BERDOA?

Setiap orang yang berfikir dan bergelut dalam doa akan bertanya, “Mengapa perlu berdoa?” Adakah maksud utama doa itu adalah mendapatkan sesuatu daripada Tuhan? Memang, Alkitab meyakinkan kita bahawa Tuhan mendengar kita dan, sebagai jawapan, Dia memberikan apa yang kita perlukan. Tetapi adakah hal itu alasan utama Yesus mengajar kita untuk berdoa?

George MacDonald memberikan dasar alasan bagi doa seperti berikut: “Bagaimana pula jika Tuhan mengetahui bahawa doa itulah yang terutama dan sangat perlu bagi kita? Bagaimana pula jika menurut Tuhan, tujuan utama dalam doa adalah membekalkan keperluan kita yang terutama dan yang paling dalam—keperluan akan Diri-

Nya sendiri? ... Kelaparan mungkin mendorong anak yang lari itu pulang ke rumah, dan mungkin dia akan diberikan makanan dengan serta-merta ataupun tidak, tetapi dia memerlukan ibu bapanya lebih daripada makanan. Perhubungan dengan Tuhan adalah satu-satunya keperluan jiwa yang

Tuhan boleh juga memberikannya kepada kita tanpa doa. Tetapi untuk membawa kita ke pangkuan-Nya, Dia menahannya agar kita meminta.

melebihi segala keperluan lain. Doa adalah permulaan bagi perhubungan itu, yang bermaksud bercakap-cakap dengan Tuhan, dan menjadi satu dengan Dia.

Ini merupakan matlamat utama doa, dan sebenarnya matlamat kewujudan hidup... Kita mesti meminta agar boleh menerima, tetapi maksud Tuhan bagi kita untuk berdoa bukan sekadar mendapat keperluan kita yang kurang utama. Dia boleh juga memberi kita segala sesuatu tanpa doa. Untuk membawa anak-Nya ke pangkuan-Nya, Tuhan menahan keperluan itu agar manusia memohon kepada-Nya.”

Tuhan menghendaki kita menjadi milik-Nya sendiri. Dia menginginkan perhubungan akrab dengan kita. Matlamat-Nya dengan doa bukan untuk membuat kita duduk dan memintaminta. Sebenarnya, Tuhan mahu kita mengenal Dia, dan doa adalah cara-Nya untuk mencapai matlamat itu.

Saya biasa bermain satu permainan dengan dua orang anak saya semasa mereka

kecil. Saya menggenggam beberapa wang syiling dan membiarkan mereka membuka jari-jari saya untuk mendapatkan wang syiling itu. Anak-anak saya akan duduk di atas pangkuan saya dan berusaha dengan segala tenaga untuk mendapatkan wang tersebut. Sebaik sahaja mereka mendapatkan wang itu, mereka akan berteriak kegirangan dan melompat

***Matlamat Tuhan
dengan doa bukan
untuk membuat kita
duduk memintaminta. Sebenarnya,
Tuhan mahu kita
mengenal Dia.***

turun untuk menikmati hadiah mereka. Sebenarnya, saya suka anak-anak saya tertawa dan bermain-main sementara berada di

pangkuan saya. Wang syiling itu sendiri tidak penting.

Apabila kita berdoa, sering kali kita menumpukan perhatian kepada pemberian yang ada di dalam tangan Tuhan dan tidak memperhatikan tangan Tuhan sendiri. Kita berdoa dengan sungguh-sungguh bagi pekerjaan yang baru, atau bagi pemulihan kesihatan. Selepas kita memperoleh hadiah itu, kita akan sangat gembira. Setelah itu, kita tidak mempunyai keperluan apa-apa lagi dengan Tuhan. Jika kita hanya menginginkan wang syiling itu, tangan Tuhan hanya menjadi cara untuk membayar sewa, menyembuhkan penyakit, atau untuk mengatasi krisis. Selepas keperluan itu dipenuhi, tangan itu sendiri tidak bererti apa-apa kepada kita.

Walaupun Tuhan memang memberikan pemberian yang baik kepada anak-anak kerana berkat yang

dikurniakan-Nya, Dia hendak memberi kita lebih banyak daripada itu. Dia memberikan diri-Nya sendiri kepada kita. Orang yang hanya berpuas hati dengan benda-benda kecil dalam tangan Bapa akan kehilangan hadiah doa yang terbaik—hadiah yang bercakap-cakap dan bergaul dengan Tuhan alam semesta.

MENGGUNAKAN CONTOH DOA TUHAN

Anda harus berdoa untuk benar-benar belajar tentang doa. Berdoalah dengan sungguh-sungguh dan asingkanlah masa setiap hari untuk berdoa. Yesus memberi kita contoh doa—gunakanlah doa itu dengan cara demikian. Bermulalah dengan berdoa, “Ya Bapa kami yang di syurga.” Biarlah fikiran anda tertumpu kepada ertinya

bercakap dengan Tuhan alam semesta dan memanggil-Nya Bapa. Kemudian, berdoalah kepada Bapa tentang Bapa. Berdoalah tentang peribadi-Nya, “dikuduskanlah nama-Mu.” Berdoalah tentang rancangan-Nya, “Semoga Engkau memerintah di bumi.” Dan berdoalah bagi matlamat-Nya, “dan seperti di syurga, kehendak-Mu ditaati.”

Selepas itu, berdoalah kepada Bapa tentang keluarga-Nya. Berdoalah bagi kecukupan, “Berilah kami makanan yang kami perlukan setiap hari.” Berdoalah bagi pengampunan, “Ampunkanlah kesalahan kami, seperti kami mengampuni orang yang bersalah terhadap kami.” Dan berdoalah bagi perlindungan, “Janganlah biarkan kami kehilangan iman ketika dicubai, tetapi selamatkanlah kami daripada kuasa Si Jahat.”

Jika anda membiarkan doa ini menjadi contoh doa anda, maka anda akan mendapati bahawa unsur-unsurnya memberikan kesan yang memurnikan terhadap hal-hal yang anda hendak doakan. Anda tidak akan mendoakan hal-hal yang

Doa adalah pekerjaan yang berat, tetapi komunikasi kita dengan Tuhan adalah penting bagi kesihatan kehidupan rohani kita, sebagaimana bernafas itu penting bagi kehidupan jasmani.

hanya meninggikan nama anda sendiri, memajukan kerajaan anda, atau yang mengutamakan kehendak anda. Meminta makanan

pada waktu anda hidup dalam ketidaktaatan adalah seperti seorang pengkhianat yang memohon kekuatan untuk mengkhianati negaranya. Anda tidak akan memohon Tuhan mengampuni anda apabila anda sendiri tidak rela mengampuni orang lain. Meminta perlindungan Tuhan daripada yang jahat akan menimbulkan pertentangan jika anda sendiri sedang mewujudkan percubaan.

Doa adalah pekerjaan yang berat, tetapi komunikasi kita dengan Tuhan adalah penting bagi kesihatan kehidupan rohani kita, sebagaimana bernafas itu penting bagi kehidupan jasmani.



Buku kecil ini yang berjudul Contoh Doa Yesus, didasarkan sebahagian daripada buku yang berjudul *What Jesus Said About Successful Living*, karya Haddon W.

Robinson. Haddon juga seorang guru Alkitab, pengkhotbah dan pengacara yang terkenal bagi program harian radio RBC—*Discover The Word*.

Penterjemah: Stemmah Sariau

Editor: Lydia Ng, Stemmah Sariau

Buku Asli: *Jesus' Blueprint For Prayer*

Reka Bentuk Kulit: Alex Soh

Petikan Alkitab daripada Alkitab Berita Baik, © 1996 Bible Society of Malaysia & Alkitab Terjemahan Baru © 1974 Lembaga Alkitab Indonesia

Hak Cipta Terpelihara.

© 2000, 2009, 2011 RBC Ministries, Grand Rapids, Michigan.

Dicetak di Malaysia.

